

ANALISIS TERJEMAHAN METAFORA HIDUP DAN PERSONIFIKASI DALAM NOVEL JEPUN *HARU NO YUKI*

THE ANALYSIS OF TRANSLATION OF LIVE METAPHORS IN JAPANESE NOVEL *HARU NO YUKI*

Melati Desa¹

¹Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang, Malaysia
melati.desa@uitm.edu.my

Article history:

Received: 12 November 2020

Accepted: 14 December 2020

Published: 18 December 2020

Abstrak

Bahasa dan budaya saling mempengaruhi dan kesannya dapat dilihat bukan sahaja dalam cara manusia berpikir malah dalam penulisan kreatif yang memuatkan unsur figuratif, metafora misalnya. Justeru, kajian ini meneliti aspek pemindahan makna dalam terjemahan metafora hidup dan personifikasi yang terdapat dalam teks kesusasteraan Jepun, *Haru No Yuki* hasil penulisan Yukio Mishima (1925 – 1970). Novel tersebut diterjemahkan oleh Muhammad Haji Salleh (1993) menjadi *Salju Musim Bunga* (SMB) terbitan Penataran Ilmu. Kertas kerja ini mengkaji keselarasan makna terjemahan metafora hidup dan personifikasi daripada teks sumber kepada teks sasaran. Daripada kajian keselarasan makna dapat dinilai sama ada berlaku peleburan makna metafora apabila terhasilnya terjemahan kurang, terjemahan lebih atau terjemahan salah. Kaedah pengekalan metafora hidup dalam teks sasaran didapati menghasilkan terjemahan ideal. Metafora hidup yang bersifat universal dikekalkan oleh penterjemah, pendekatan ini menghasilkan terjemahan ideal dari sudut makna dan diterima oleh budaya dan penutur bahasa sasaran. Sebagai kesimpulan, kajian ini menunjukkan bahawa, salah satu faktor dalam usaha untuk menghasilkan terjemahan bermutu adalah dengan memahami unsur metafora budaya asal teks sumber.

Kata kunci: *metafora hidup, personifikasi, terjemahan ideal, persamaan makna*

Abstract

Language and culture influence each other and its effect is reflected in not only the way humans think, but could also be seen in a full load of figurative elements in creative writing, such as metaphors. Thus, the report examines the aspects of the transfer of meaning in the live metaphors in Haru No Yuki, literary Japanese texts written by Yukio Mishima (1925 – 1970). The novel has been translated to Malay by Muhammad Haji Salleh (1993) as Salju Musim Bunga published by Penataran Ilmu. This report studies the equivalence of the meaning of translated live metaphors from the source text to the target text. From the study of the equivalence of meaning can be evaluated if there is any loss of meaning due to under translation, over translation or wrong translation. The retention of live metaphors in the target text produced an ideal translation. Universal live metaphors maintained by the translator, this approach produced an ideal translation in form of meaning and accepted by the culture and speakers of the target language. The conclusion of this report shows that, one of the factors in producing quality translations is to understand the elements of the original cultural metaphors contained in the source text.

Keywords: *live metaphor, personification, ideal translation, equivalence of meaning*

1.0 Pengenalan

Bidang kesusasteraan dapat diterokai dari pelbagai sudut kerana ianya terbina daripada gabungan kepelbagaian aspek dan genre. Daripada kesusasteraan juga dapat diukur akan kemajuan fikiran sesuatu bangsa. Penguasaan bahasa, ketajaman kognitif, keberkesanan pengucapan, penyampaian perasaan dan sebagainya lazimnya dikaitkan dengan kesusasteraan. Justeru, bidang ini membuka peluang kepada penterjemah ber-

tujuan untuk mengembangkan pengetahuan dan menyampaikan ilmu. Namun demikian, perbezaan bahasa dan budaya menyebabkan penterjemah hendaklah melakukan pelbagai penyesuaian semula dalam terjemahan. Semakin banyak dan luas perbezaan antara budaya bahasa sumber dan budaya bahasa sasaran, semakin banyak perubahan yang mesti dilakukan (Ainon Muhammad & Abdullah Hassan, 2005:165).

Metafora dan personifikasi merupakan antara elemen penting yang lazimnya digunakan dalam menyampaikan mesej sama ada dalam bentuk penulisan mahu pun pertuturan. Berikut disertakan beberapa definisi yang diberikan oleh sarjana mengenai penggunaan metafora. Larson (1984:246) mendefinisikan seperti berikut, *metaphors do not have the word like or as, but they are also comparisons that can often rewritten as similes*. Definisi oleh Nouchi (2002:78, dalam Maynard, 2007:170) pula ialah, *metaphor is an expression that stirs emotion in the hearer or reader by appealing in his or her imagination*. Dalam bahasa Melayu pula, istilah peribahasa, perumpamaan, simpulan bahasa, pepatah, simili, tamsil dan banyak lagi dikategorikan sebagai bersifat metafora. Salah seorang tokoh sarjana Melayu, Herman J Waluyu (1945:84, dalam Maniyamin Haji Ibrahim, 2006:45) menyatakan bahawa, metafora ialah gaya bahasa kiasan langsung atau perbandingan yang menyebut dua hal tanpa menggunakan kata-kata perbandingan. Dengan kata lain, dapat dirumuskan bahawa metafora dianggap sebagai bahasa perbandingan yang digunakan untuk menerangkan sesuatu secara kiasan.

Metafora dan personifikasi yang segar dan menarik menjadi struktur penting dalam penulisan kreatif. Personifikasi bermaksud perlambangan sifat-sifat manusia, tingkah laku dan aktiviti manusia diberikan kepada objek tidak bernyawa dan haiwan. Personifikasi juga disifatkan kepada sesuatu yang abstrak seperti perasaan, angin, hujan, ribut dan banyak lagi. Mohd. Khir Kassim (2004:197) mendefinisikan personifikasi sebagai pemberian sifat-sifat manusia kepada sesuatu benda, binatang, tumbuh-tumbuhan, keadaan atau peristiwa. Dengan itu dapat disimpulkan bahawa disiplin kesusasteraan secara kebiasaannya tidak menyatakan mesej secara jelas. Mesej yang jelas bukanlah ciri-ciri sebuah karya kreatif. Oleh itu dalam karya kesusasteraan, bahasa figuratif atau bahasa kiasan banyak digunakan dalam menyampaikan maksud. Bahasa figuratif akan membuatkan nada sesuatu penulisan itu berkesan sehingga berjaya menerbitkan gambaran anangan dan merangsang daya fikir pembaca.

1.1 Pernyataan Masalah Kajian

Metafora hidup dan personifikasi merupakan unsur yang sering digunakan dalam penulisan sastera. Oleh itu, penterjemahan bagi kedua-dua unsur ini ke dalam bahasa Melayu perlulah dilakukan dengan berhati-hati, agar makna dan kesan mesej yang sama sampai kepada pembaca sasaran. Kebanyakan kajian antara penganalisis bahasa Melayu dan bahasa Jepun dilakukan terhadap terjemahan *manga*, komik atau bahan yang lebih

ringan. Jarang didapati kajian yang memberi tumpuan kepada capaian persamaan dalam terjemahan metafora hidup. Dalam kajian tinjauan lepas antara dua pasangan bahasa tersebut, analisis yang dijalankan hanya berfokus kepada jumlah metafora yang dikutip dalam sebuah novel. Metafora tersebut dibahagikan pula kepada jenis metafora seperti simili, idiom dan sebagainya tanpa membahaskan keberkesanan makna terjemahan.

Kebanyakan kajian lepas tidak menyentuh mengenai persamaan makna metafora yang diterjemahkan daripada teks sumber kepada teks sasaran. Yang menjadi tumpuan kajian tersebut hanyalah terhadap jumlah metafora yang diterjemahkan. Menurut sumber kajian tersebut lagi, terdapat juga unsur metafora teks sumber yang terpaksa digugurkan kerana kekangan budaya dan sebagainya. “Penterjemah tidak berhak bermain-mainkan klise dalam teks ekspresif”, Newmark (1981, dalam terjemahan oleh Zainab Ahmad dan Zaiton Ab. Rahman 1992:135). Larson (1984) juga tidak menyarankan ‘pelepasan’ dalam terjemahan metafora, maka menggugurkan sebahagian unsur metafora dalam proses penterjemahan teks kreatif dianggap sebagai satu keputusan yang kurang tepat.

Oleh kerana terjemahan adalah usaha menyampaikan sesuatu yang ditulis dalam bahasa asing kepada bahasa asing lainnya, maka persamaan makna merupakan tujuan utama. Memandangkan kebanyakan kajian lepas tidak membincangkan mengenai persamaan makna dan kesan terjemahan unsur metafora, maka kajian ini dengan menggunakan gagasan Larson (1984) akan meneliti persamaan makna hasil terjemahan unsur metafora hidup dan personifikasi. Dengan yang demikian, diharapkan kajian ini dapat menampung kelompangan yang terdapat dalam kajian-kajian lepas, di samping dapat memberi manfaat sebagai rujukan kajian akan datang.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- Meneliti tahap keberkesanan penyampaian mesej terjemahan unsur metafora hidup dan personifikasi dalam teks sasaran, sebagaimana kehadirannya dalam teks sumber.
- Mengkaji sama ada berlaku kehilangan makna, sama ada terjemahan kurang atau terjemahan berlebihan bagi aspek metafora hidup dan personifikasi yang dikenal pasti dalam teks yang dikaji.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, persoalan kajian telah dibentuk, iaitu:

1. Sejauh manakah terjemahan unsur metafora hidup dan personifikasi berjaya menyampaikan kesan yang sama seperti dalam teks sumber?

2. Adakah berlaku kehilangan makna, sama ada terjemahan kurang atau terjemahan berlebihan bagi aspek metafora yang dikaji?

1.5 Kepentingan Kajian

Oleh kerana penterjemahan adalah bertujuan untuk menghadirkan makna dan emosi penulis asal, maka atas kekangan budaya lazimnya kerap berlaku kekaburan makna dalam teks sasaran. Perkara ini disokong oleh pernyataan, “oleh itu saya tidak menterjemah kandungan sahaja, malah gaya dan tekniknya juga. Saya menegaskan bahawa terjemahan saya untuk novel telah menjaga segala gaya dan teknik, begitu juga kandungan dan hala tujunya”, Hemingway (2008:117 dalam Majdi Hj Ibrahim dan Abdul Wahab Zakaria dalam Hasuria Che Omar dan Rokiah Awang 2009:298). Dalam usaha untuk mengekalkan makna asal, adakalanya penterjemah menghadapi masalah dalam pemilihan kata. Dalam situasi begini, penterjemah mempunyai kelebihan atau hak untuk menggugurkan, menambah atau mengganti perkataan demi menjaga kegramatisan di samping menepati tatabahasa teks sasaran.

Dalam penterjemahan novel, dengan pengetahuan dan penguasaan kebahasaan yang mencukupi, penterjemah haruslah berusaha keras untuk mendapatkan padanan terbaik. Didapati bahawa tiada kajian awal dijalankan ke atas novel yang dikaji, justeru itu kajian ini akan meneliti tentang pencapaian penyampaian makna asal teks sumber kepada pembaca sasaran tanpa penambahan, pengurangan atau kehilangan makna. Terjemahan dikatakan merupakan jambatan antara dua budaya yang berlainan untuk menyalurkan maklumat dan berkongsi pengetahuan tentang budaya luar. Oleh yang demikian, kajian ketepatan makna dalam terjemahan unsur metafora hidup dan personifikasi dalam novel yang dikaji ini dapat dijadikan kayu ukur dalam menyalurkan maklumat tersebut.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini berlatarbelakangkan penterjemahan hasil penulisan novel Jepun *Haru No Yuki* (selepas ini disebut HNY) yang ditulis oleh Mishima Yukio (1969) dan diterjemahkan ke bahasa Melayu menjadi *Salju Musim Bunga* (selepas ini disebut SMB) oleh Muhammad Haji Salleh (1993). Walaupun HNY turut diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, data kajian yang dibahaskan hanya dikutip daripada novel terjemahan bahasa Melayu SMB. Novel terjemahan bahasa Inggeris hanya dijadikan sebagai rujukan, tiada data yang diambil dari teks terjemahan tersebut. Sebanyak 7 data kajian berunsur metafora hidup dan personifikasi dikutip daripada novel SMB. Pembentangan data kajian adalah dalam bentuk deskriptif. Hanya unsur metafora hidup dan metafora bersifat personifikasi diteliti dalam kajian ini. Walaupun hanya 7 data yang dikutip, kajian terperinci dijalankan dan dapatan kajian boleh dijadikan kayu ukur atau dasar oleh pengkaji seterusnya. Berikut disertakan ringkasan novel yang terlibat.

1.6.1 Mishima Yukio dan *Haru No Yuki*

Kesusasteraan Jepun pada awal tahun 1900an mengalami kejutan kerana pertembungan budaya antara timur dan barat. Masyarakat Jepun juga bersikap lebih terbuka dan cuba meniru pakaian, seni bina bangunan, pembelajaran, kesusasteraan, hiburan dan lain-lain yang dibawa masuk dari barat. Walau bagaimanapun, adat istiadat Jepun seperti adat pertabalan, adat peminangan dan sebagainya tetap kuat diamalkan. Antara individu yang terlibat dalam dunia penulisan dan menyerap masuk unsur budaya barat dalam novelnya ialah Mishima Yukio.

Haru no Yuki ditulis oleh Mishima Yukio (1925 – 1970), beliau dilahirkan dalam sebuah keluarga Samurai dan mencurahkan segala ketaatan kepada Maharaja. Selain daripada menguasai bidang penulisan, beliau juga aktif dalam bidang lakonan dan drama. Banyak drama dan beberapa buah filem diterbitkan berdasarkan novel yang ditulis oleh beliau, antaranya ialah *Haru no Yuki* (1969). Filem tersebut ditayangkan pada tahun 2005. Mishima juga mendapat jolokan sebagai anggota tentera militan berhaluan kanan dan tidak pernah menimbulkan kekacauan politik. Mishima turut melibatkan diri dalam seni mempertahankan diri. Beliau dilantik menjadi jurulatih seni mempertahankan diri iaitu *kendo* tingkat ke lima pada tahun 1968. Malangnya pada 25 November 1970, di hari tamatnya menulis himpunan novel terkenal, *The Sea of Fertility*, beliau telah melakukan *seppuku* (membunuh diri secara ritual dengan memotong perut dari arah kiri ke kanan).

Novel HNY diterjemahkan oleh Muhammad Haji Salleh menjadi *Salju Musim Bunga* (SMB), diterbitkan oleh Penataran Ilmu dengan ihsan Yayasan Toyota Jepun pada tahun 1993. Novel tersebut berlatarbelakangkan tahun-tahun awal pemerintahan Taisho. Ikatan percintaan antara Kiyooki Matsugae, anak lelaki sebuah keluarga kaya yang sedang meningkat naik, dengan Satoko Ayakura. Satoko Ayakura merupakan anak perempuan keluarga bangsawan yang sebaliknya sedang menghadapi masa sukar. Pertunangan antara putera raja dan Satoko memberi kemuncak kejutan kepada Kiyooki. Shigekuni Honda, rakan sekolah Kiyooki, adalah saksi utama kepada hubungan terlarang tersebut. Tema utama novel ialah mengenai konflik dalam masyarakat Jepun yang disebabkan oleh konsep pembaratan pada awal abad ke-20. Keluarga Kiyooki berasal dari Kagoshima, sebuah negeri di kepulauan Kyushu. Datuknya, meninggal dunia sebagai seorang pahlawan samurai yang dihormati. Keluarga Matsugae kini tinggal di pinggir bandaraya Tokyo dalam keadaan serba mewah kerana menerima penghargaan daripada kerajaan Jepun.

2.0 Tinjauan Literatur

2.1 Definisi Terjemahan Sastra

Sebelum menyentuh dengan lebih mendalam mengenai penterjemahan *SMB*, perbincangan ini dimulai dengan meneliti definisi terjemahan sastra khususnya. Susan Bassnett McGuire (1992) mendefinisikan terjemahan dari sudut kesusasteraan seperti berikut, *translation was a complex task, involving a great deal of skill, preparation, knowledge and intuitive feeling for texts*. Jackson Mathews (1959:67 dalam Venuti, 2004:158) pula memberi definisi berikut mengenai terjemahan kesusasteraan, iaitu, *one thing seems clear: to translate a poem whole is to compose another poem. A whole translation will be faithful to the matter, and it will 'approximate the form' of the original; and it will have a life of its own, which is the voice of the translator*. Nida (1964:159, dalam Munday, 2008:42) menyatakan bahawa *the message has to be tailored to the receptor's linguistic needs and cultural expectation and aims at complete naturalness of expression*. Kesemua definisi yang diberikan membawa maksud bahawa makna yang hendak disampaikan hendaklah selari lengkok bahasanya dengan budaya pembaca sasaran. Disinilah terletak kesukaran dalam sesuatu terjemahan.

2.2 Definisi Metafora dan Personifikasi

Para sarjana memberi pelbagai definisi dalam merangka erti metafora. Walaupun kepelbagaian definisi mencerminkan kelainan pandangan sarjana, namun secara keseluruhannya, ianya mendukung makna perbandingan secara terselindung atau tersirat. Pusat Rujukan Persuratan Melayu mendefinisikan metafora sebagai pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar, perkataan berkenaan sebagai perbandingan atau kiasan. Ainon dan Abdullah (2002) mendefinisikan metafora dengan menyatakan ianya merupakan kiasan yang tidak menggunakan kata bagai, bak, laksana, macam, seakan-akan, seolah-olah, seperti dan umpama. Mohd. Khir Kassim (2004) pula mendefinisikan metafora sebagai pemakaian kata-kata untuk menyatakan erti yang berbeza daripada yang sebenarnya (sebagai kiasan). Bartel (2008:3) memberi definisi mudah metafora iaitu apa sahaja perbandingan yang tidak boleh difahami secara literal.

Metafora dianggap sebagai bahasa perbandingan yang digunakan untuk menerangkan sesuatu secara kiasan. Bahasa perbandingan digunakan untuk menyamakan sesuatu objek dengan keadaan atau peristiwa yang lain. Penulis mencipta ungkapan metafora melalui padanan objek konkrit dengan objek abstrak, dan objek abstrak dengan objek abstrak. Contohnya metafora *time is money*, yang mengkonkritkan masa menjadi wang seolah-olah boleh disentuh, dirasa dan sebagainya. Metafora digunakan sebagai kiasan, perbandingan dan lambang dalam menyampaikan maksud. Hal ini membuatkan nada sesuatu penulisan itu berkesan sehingga

berjaya menerbitkan gambaran anganan pembaca. Antara yang tergolong dalam kategori metafora yang membawa ciri-ciri tertentu ialah personifikasi.

Gaya personifikasi menarik kerana ianya berjaya menimbulkan kehalusan pernyataan perasaan dan fikiran, menyindir, memberi teguran atau melahirkan kemarahan. Keberkesannya lebih terserlah dengan memberikan sifat-sifat manusia kepada objek, haiwan, ataupun domain abstrak seperti perasaan, angin, hujan, ribut dan banyak lagi. Personifikasi ialah gambaran yang menganggap benda-benda dan idea seolah-olah manusia (Ainon dan Abdullah, 2002). Penerangan kedua-dua sarjana ini dilengkapi dengan beberapa contoh sebagai panduan. Contoh yang dimaksudkan misalnya, kereta itu kuat **minum** minyak, bulan yang **menyimpan** rahsia hatiku dan awan **menangis** melihat bumi yang gersang. Personifikasi tidak membezakan perasaan kepada benda-benda yang hidup dan yang mati. Oleh yang demikian, menurut emosi, bulan boleh **menyimpan** sesuatu, kereta boleh **minum** dan awan mampu **menangis**.

Sebagai kesimpulan, melalui penerapan unsur personifikasi, penulis dapat menyampaikan mesej secara tersirat tanpa menimbulkan rasa tidak senang kepada pembaca. Hal ini demikian kerana, dalam hal tertentu tujuan sesuatu karya adalah untuk mengkritik, menyindir, memarahi dan sebagainya. Dengan memanfaatkan unsur personifikasi, pembaca dapat menyelami emosi penulis tanpa menyedari bahawa mereka sebenarnya sedang dikritik. Walau bagaimanapun, penggunaan unsur personifikasi amatlah luas dan bebas, terserah kepada pembaca untuk menginterpretasikannya secara bebas.

2.3 Teknik Terjemahan Unsur Metafora

Larson (1984) memperincikan tatacara menterjemah dan mengenal pasti jenis metafora dengan pengelasan topik, imej dan titik persamaan. Tatacara penterjemahan metafora yang disarankan oleh Larson (1984) adalah dengan pembahagian berikut: pertama, metafora boleh dikekalkan sekiranya bahasa sasaran membenarkan. Kedua, metafora boleh diterjemahkan sebagai simili, manakala yang ketiga ialah menggantikan dengan metafora sasaran yang mempunyai maksud yang sama. Seterusnya ialah metafora boleh dikekalkan dan maksud dijelaskan (penjelasan berdasarkan topik, imej dan titik persamaan). Yang kelima ialah maksud metafora diterjemah tanpa mengekalkan imej metaforikal.

Dalam usaha untuk menjelaskan lagi peranan unsur metafora dalam teks, Larson (1984) memberi contoh seperti: *John is as tall as a bean pole*, boleh dibahagikan kepada dua saranan (*proposition*) iaitu, pertama *John is tall* dan yang kedua *A bean pole is tall*, Larson (1984:247). Frasa ringkas Larson (1984) ini memudahkan pemahaman, kaedah ini digunakan untuk wacana yang lebih kompleks dalam kajian ini. Berbalik kepada frasa yang diberi Larson (1984), perbandingan saranan topik pertama dilakukan dengan topik beri-

kutnya, komen kedua-duanya adalah sama. Ini bermaksud topik asas ialah *John*, manakala topik kedua dinamakan *imej*, yang mencerminkan hal yang disebutkan dalam topik pertama, iaitu merujuk kepada ‘tiang’. Oleh yang demikian ‘titik persamaan’ terdapat dalam komen, iaitu kedua-duanya sama. Ringkasnya, topik asas ialah *John*, imej yang digunakan ialah ‘tiang’ dan titik persamaan kedua-dua frasa tersebut menghadirkan maksud ‘tinggi’.

Seterusnya, Larson (1984) menyatakan metafora terdiri daripada empat bahagian berikut:

- i) Topik - topik bukan figuratif dikutip daripada bahagian pertama frasa yang dibincangkan, iaitu *John*.
- ii) Imej - topik kedua berbentuk figuratif yang dikutip daripada bahagian kedua frasa yang dibanding, iaitu ‘tiang’.
- iii) Titik persamaan - melibatkan komen daripada kedua-dua bahagian yang menggambarkan imej sebagai topik, dalam hal ini titik persamaannya ialah ‘tinggi’.
- iv) Persamaan bukan figuratif - apabila topik yang terdapat dalam saranan merupakan ‘kata kerja’, maka komen merupakan padanan yang bukan figuratif.

[Sumber: Larson, *Meaning-Based Translation* (1984: 247)].

Ringkasan penerangan adalah seperti berikut, *there was a storm in parliament, parliament was on fire last night*, Larson (1984). *Fire* digunakan sebagai perbandingan, konsep api yang membakar dibaratkan seperti perkataan yang boleh melukakan. Dengan yang demikian, *the tongue is a fire* diterjemahkan ke ‘lidah itu pedang’, digarap menjadi ‘parlimen bertikam lidah semalam’. Contoh berikutnya, ‘Itu jambu’. ‘Itu jambu’ merupakan frasa metafora yang diujarkan mengikut konteks tertentu. Apabila ‘itu jambu’ diujarkan dengan kehadiran buah jambu, maknanya terhenti di situ, maksudnya terkandung dalam kata semantik ‘jambu’. Yang menjadi topik kajian, apabila ungkapan ‘itu jambu’ diucapkan dalam konteks merujuk kepada individu atau peristiwa tertentu.

Dalam aspek yang bagaimanakah ujaran dan rujukan mempunyai persamaan, apakah sifat kata yang dibawa oleh frasa tersebut dan kenapa lawan cakap dapat memahami unsur metafora dalam frasa tersebut? Persoalan sebegini selalunya terjawab kerana konteks, budaya, pendidikan, peristiwa, persekitaran, pengalaman, dan perkongsian pengetahuan akan memberi petunjuk dalam membantu pembaca menginterpretasi sesuatu istilah metafora dengan tepat.

2.4 Klasifikasi Metafora Hidup dan Metafora Mati

Larson (1984) membahagikan metafora kepada dua jenis iaitu, metafora hidup dan metafora mati. Berfokus kepada kenyataan Larson (1984), metafora mati merupakan ungkapan metafora yang sering digunakan. Secara umumnya, metafora mati tidak memerlukan interpretasi mendalam untuk memahami ungkapan tersebut. Pengungkapan metafora yang terlalu kerap digunakan menyebabkan makna rujukan telah terbentuk secara semulajadi dalam minda pengguna dan pendengar. Ini bermaksud makna metafora tersebut telah termaktub dalam glosari dan tidak memerlukan pengembangan fikiran dalam usaha untuk memahaminya. Setiap bahasa mempunyai metafora mati yang tidak lagi mendatangkan kejutan.

Metafora hidup pula membawa maksud yang berlawanan dengan metafora mati. Penggunaannya sama ada dalam bentuk penulisan mahupun pengujaran akan terbit secara spontan. Penggunaan yang sedemikian sudah tentu memerlukan daya kognitif dalam usaha untuk memahami maksud metafora tersebut. Walaupun mudah untuk mengesan unsur metafora dalam mana-mana bahasa, namun dalam usaha untuk mengupas makna metafora hidup lebih mencabar dan memerlukan kefahaman yang mendalam. Hal ini demikian kerana penggunaannya tidak terhad, bebas dalam membandingkan objek dan peristiwa, lebih-lebih lagi kehadirannya adalah berbentuk abstrak.

3.0 Metodologi Kajian

3.1 Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk deskriptif yang melibatkan analisis dapatan kajian data dengan memahami unsur metafora hidup dan personifikasi dalam teks sumber. Seterusnya penelitian mengenai terjemahan unsur metafora hidup dan personifikasi dilakukan. Data kajian yang dikutip dari SMB diteliti berdasarkan kaedah terjemahan metafora Larson (1984) dan dipersembahkan dalam bentuk jadual.

3.2 Prosedur Kajian

Untuk meneliti bentuk dan kesan terjemahan yang dihasilkan dalam SMB, beberapa langkah telah diambil kira. Pertama, elemen metafora hidup dalam SMB dikutip dan dikenal pasti padanan terjemahan tersebut dalam bahasa Melayu. Seterusnya analisis terjemahan dilakukan dengan membandingkan data sumber dengan data sasaran. Dengan itu penelitian kesan terjemahan yang terhasil sama ada terjemahan lebih, terjemahan kurang, terjemahan kosong, terjemahan tidak tepat dan terjemahan ideal atau sepadan dapat dilakukan. Terjemahan ideal adalah sebuah terjemahan yang memberikan kesan dan reaksi yang sama kepada pembaca sasaran sepertimana yang dialami oleh pembaca teks sumber. Penterjemah dianggap tidak berjaya untuk mengekalkan makna teks sumber sekiranya terjemahan kurang, terjemahan lebih, terjemahan kosong dan

ANALISIS TERJEMAHAN METAFORA HIDUP DAN PERSONIFIKASI DALAM NOVEL JEPUN *HARU NO YUKI*

terjemahan tidak tepat dihasilkan dalam dapatan kajian. Ini bererti gaya dan makna teks terjemahan tidak selari dengan teks sumber dan tidak meninggalkan impak atau kesan yang dikehendaki. Hal ini terjadi kerana penterjemah tidak menyampaikan pemikiran penulis asal kepada pembaca sasaran.

Untuk tujuan analisis data, bahagian ini akan memperincikan tentang konteks, kaedah terjemahan, persamaan makna, dan kesan terjemahan. Keselarasan makna metafora hidup dan personifikasi antara teks sumber dan teks sasaran dianalisis berdasarkan pendekatan Larson (1984). Kajian akan memberi fokus kepada topik, imej, dan titik persamaan. Sebanyak 7 unsur metafora hidup dan personifikasi dalam 7 data SMB telah dikenal pasti dan dijadikan data analisis dalam kajian ini. **ANALISIS DATA (NOMBOR)**, halaman teks sumber asal berbahasa Jepun, dan halaman teks sasaran berbahasa Melayu disertakan. Teks sumber asal akan dipaparkan dalam bentuk kanji (kaligrafi Cina) dan hiragana (penulisan Jepun). Bunyi bacaan dieja dalam abjad dan dicondongkan, diikuti oleh glos terjemahan, juga ditulis condong pada baris berikutnya.

4.0 Analisis dan Dapatan Kajian

4.1 Analisis Penterjemahan Metafora Hidup dan Personifikasi

Bahagian ini dimulai dengan penganalisan ke atas DATA 1 sebagaimana berikut:

ANALISIS DATA 1

Teks Sumber (Asal)	Teks Sumber (Terjemahan)	Teks Sasaran
(1) しかるに房子は瞳を そちらへ向けた	<i>Fusko merely looked in the direction of the newcomers.</i>	Fusako hanya melihat ke arah pendatang baru itu.
(2) (halaman 80)	(halaman 61)	(halaman 98)
(3) <i>Shikaruni fisako ha hitomi wo sochira he muketa.</i>		
(4) <i>Glos: namun Fusako anak mata arah ke paling</i>		

Konteks

Sewaktu Fusako merebahkan badannya ke atas ribaan Shigekuni dan berpura-pura pening, ibunya termasuk kedua-dua orang pakcik dan makciknya terpacul di muka pintu. Shigekuni tergamam membisu manakala Fusako dengan gerak geri yang sengaja diperlahankan hanya menoleh lesu melihat ke arah mereka.

Kaedah Terjemahan

Frasa ‘pendatang baru’ digunakan dalam teks sasaran. Dalam teks sumber tiada unsur metafora dimasukkan, namun demikian ini bukanlah menjadi satu kesalahan dalam terjemahan. Oleh itu, penterjemah telah menggunakan kaedah penambahan dengan memasukkan frasa bersifat metaforikal ‘pendatang baru’ dalam terjemahan tersebut. Yang hendak dibincangkan ialah, adakah frasa ‘pendatang baru’ tersebut dibenarkan penggunaannya dalam kalangan penutur bahasa sasaran. Adakah frasa tersebut menepati konteks, dan mungkinkah persamaan sejadi tercapai dalam terjemahan di atas. Perbincangan mengenai persamaan sejadi dan konteks serta situasi akan disentuh dalam sub-topik Kesan Terjemahan.

Analisis Makna

Bandingan	Teks Sumber	Teks Sasaran
Topik	Ibubapa dan makcik Fusako	Ibubapa dan makcik Fusako
Imej	<i>Sochira he muketa (memaling ke arah itu)</i>	Pendatang baru
Titik Persamaan	mereka yang berada di muka pintu	-
Petunjuk Kontekstual	Ibubapa dan makcik Fusako terpacul di muka pintu sewaktu Fusako berada di ribaan Shigekuni	
Makna Metafora	-	

Kesan Terjemahan

Dalam kamus bahasa Melayu Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) memberi makna ‘pendatang’ se-bagai, orang mendatang (tidak asli), orang asing yg datang ke, atau memasuki sesebuah negeri lain. Kata ‘pendatang’ digabungkan dengan kata ‘baru’ membawa maksud ‘orang yang baru mendatangi atau me-masuki sesebuah negeri’. Justeru, ungkapan teks asal *sochira he muketa* yang bermaksud ‘berpaling ke arah mereka’ diterjemahkan menjadi ‘pendatang baru’ dikategorikan sebagai **terjemahan kurang tepat**. Kesala-han terjemahan ini mungkin dipengaruhi oleh teks sumber terjemahan berbahasa Inggeris, *sochira he muketa* menjadi *newcomers*. Walau bagaimanapun penutur bahasa sasaran tidak menyebut ‘pendatang baru’ dalam

ANALISIS TERJEMAHAN METAFORA HIDUP DAN PERSONIFIKASI DALAM NOVEL JEPUN *HARU NO YUKI*

konteks seperti yang digambarkan dalam SMB. Dengan itu terjemahan ‘pendatang baru’ didapati tidak menghadirkan kesan persamaan sejadi dalam lenggok bahasa sasaran.

ANALISIS DATA 2

Teks Sumber (Asal)	Teks Sumber (Terjemahan)	Teks Sasaran
(5) あの鍵は何と裸で、 (6) (halaman 132) (7) <i>Ano kagi ha nanto hadaka de</i> (8) <i>Glos: itu kunci apa kah telanjang</i> (9) Metafora hidup + personifikasi, terjemahan ideal	<i>How torn and naked the key</i> (halaman 103)	Betapa usang dan telanjang kunci itu. (halaman 165)

Konteks

Keadaan kunci bilik bacaan di rumah agam Bangsawan Matsugae, kunci itu sendiri kelihatan usang, lebih-lebih lagi tanpa digantungkan sebarang rantai menandakan betapa kurangnya perhatian yang diberikan terhadap bilik bacaan tersebut.

Kaedah Terjemahan

Kaedah literal digunakan dalam terjemahan di atas. Kata *hadaka* bermaksud telanjang turut diterjemahkan ke ‘telanjang’. Kaedah ini mudah digunakan kerana unsur metaforikalnya bersifat sejagat. Konsep ‘telanjang’ merupakan gaya bahasa metafora personifikasi yang digunakan untuk menghadirkan maksud abstrak, diberi sifat manusia seolah-olah kunci itu tidak berpakaian. Kaedah ini dikekalkan dalam terjemahan dan diyakini dapat membangkitkan angan pembaca terhadap maksud sebenar, iaitu anak kunci yang tidak digantung apa-apa padanya.

Analisis Makna

Bandingan	Teks Sumber	Teks Sasaran
Topik	<i>Kagi</i> (kunci)	kunci
Imej	<i>Hadaka</i> (telanjang)	telanjang
Titik Persamaan	Tiada apa-apa yang melindungi	Tiada apa-apa yang melindungi
Petunjuk Kontekstual	Kunci bilik bacaan yang tidak digantung rantai, nombor atau tali.	
Makna Metafora	Tanpa pakaian menutupi badan	Tanpa pakaian menutupi badan

Kesan Terjemahan

Terjemahan data di atas dianggap sebagai **terjemahan ideal**. Mainan kata “telanjang” yang merupakan imej abstrak, dikekalkan melalui kaedah literal. Pengekalan imej metaforikal unsur personifikasi ini turut berjaya menyampaikan keseluruhan maksud penulis teks sumber. Oleh kerana kata ‘telanjang’ merupakan istilah se-jagat, konsepnya tidak sukar untuk difahami oleh mana-mana penutur bahasa. Gandingan kata ‘telanjang’ dengan ‘kunci’ juga dilihat sebagai satu ‘kesegaran kebahasaan’ dalam menyampaikan maksud atau naluri penulis terhadap sesuatu objek, keadaan dan sebagainya.

ANALISIS DATA 3

Teks Sumber (Asal)	Teks Sumber (Terjemahan)	Teks Sasaran
海へ行こうという心逸りに かられて (halaman 270) <i>Umi he ikou toiu kokorohayari ni kararete</i> <i>Glos: laut ke pergi hal itu hati pada ikut</i>	<i>They gave in to the impulse for a quick swim.</i> (halaman 221)	Mereka tidak dapat menahan diri untuk pergi berenang. (halaman 355)

Konteks

Sebelum berangkat pulang ke negara asal, Putera Raja dan sepupunya dibawa oleh Kiyooki dan Honda ke rumah penginapan Bangsawan Matsugae di pinggir laut. Tujuan mereka ke sana adalah untuk menghiburkan hati dan menenangkan kekusutan fikiran kedua-dua Putera Raja tersebut. Walau bagaimanapun perjalanan yang jauh dalam cuaca yang agak panas memenatkan mereka. Oleh itu, selepas berehat sejenak dalam hembusan angin petang, sambil menikmati minuman sejuk di rumah penginapan, keempat-empat anak muda tersebut tidak sabar-sabar untuk berenang di laut.

Kaedah Terjemahan

Metafora hidup *kokorohayarini* dalam teks sumber yang bermaksud ‘hati tak sabar’ dikekalkan corak terjemahannya ke metafora hidup berbunyi ‘tidak dapat **menahan diri**’. Ungkapan ‘tidak dapat **menahan diri**’ dalam bahasa sasaran juga bermaksud ‘tidak sabar untuk berbuat sesuatu’. Kata ‘menahan’ berfungsi sebagai imej abstrak yang mengkonkritkan keinginan diri sehingga mampu ditahan. Disinilah terletak kekuatan metafora hidup dalam terjemahan di atas, sesuatu yang abstrak digunakan sebagai domain kiasan untuk sesuatu yang juga bersifat abstrak dalam menerangkan maksud sebenar.

Analisis Makna

Bandingan	Teks Sumber	Teks Sasaran
Topik	Melakukan sesuatu	Melakukan sesuatu
Imej	<i>Kokorohayari ni</i>	Menahan diri
Titik Persamaan	Tidak sabar	Tidak sabar
Petunjuk Kontekstual	Mereka tidak sabar-sabar untuk turun ke laut dan berenang.	
Makna Metafora	Mengikut kata hati pada saat itu	

Kesan Terjemahan

Metafora hidup klise ‘menahan diri’ yang bermaksud bersabar bersifat universal. Dalam mana-mana bangsa yang menuturkan apa-apa bahasa sudah tentu mengalami pengalaman yang sama, iaitu bersabar terhadap sesuatu. Oleh itu, mencari padanan dalam bahasa sasaran untuk *kokorohayarini* tidaklah sukar. Bentuk meta-

fora hidup juga turut dikekalkan dalam ‘menahan diri’, perbandingan imej abstrak ‘menahan’ terhadap sesuatu yang juga berbentuk abstrak iaitu ‘sabar’. Kata ‘menahan’ juga dilihat berjaya menimbulkan gambaran pembaca dengan mengkonkritkan sifat sabar menjadi ‘diri’. Secara umumnya, makna teks sumber disampaikan sepenuhnya secara sejadi ke dalam teks sasaran. Dengan demikian terjemahan di atas diklasikan sebagai **terjemahan ideal**.

ANALISIS DATA 4

Teks Sumber (Asal)	Teks Sumber (Terjemahan)	Teks Sasaran
<p>彼の頭に浮かんだのは</p> <p><i>Kare no atama ni ukanda no ha</i></p> <p><i>Glos: dia punya kepala dalam datang</i></p> <p>(halaman 289)</p>	<p>To size up the problem</p> <p>(halaman 237)</p>	<p>Menimbang-nimbang masalah</p> <p>yang dihadapinya</p> <p>(halaman 380)</p>

Konteks

Kiyooki meminta pertolongan Honda berusaha mendapatkan kenderaan untuk membawa Satoko berjumpa dengannya tanpa diketahui oleh sesiapa. Sebagai kawan rapat, Honda tidak dapat menolak permintaan tersebut. Oleh itu Honda merangka-rangka mencari alasan untuk meminjam kereta daripada seorang kawannya yang kaya dan suka berpoya-poya.

Kaedah Terjemahan

Penterjemah menggunakan kaedah parafrasa dalam menterjemah data di atas. Memadai dengan memahami apa yang diperkatakan dalam teks sumber lalu diterjemahkan tafsiran tersebut dengan menepati lengkok bahasa sasaran. Unsur metafora hidup teks sumber dikekalkan dalam teks sasaran. ‘Masalah’ dikonkritkan seolah suatu objek yang boleh dirasa, disentuh, dilihat malah boleh ditimbang. Kata ‘timbang’ yang berperanan menghadirkan unsur metaforikal dan membangkitkan anganan pembaca tentang perbuatan ‘menimbang’ berjaya dimainkan oleh penterjemah.

Analisis Makna

Bandingan	Teks Sumber	Teks Sasaran
Topik	perkara	masalah
Imej	<i>Atama ni ukanda (kepala dalam datang)</i>	timbang
Titik Persamaan	Sesuatu yang difikirkan.	Sesuatu yang difikirkan.
Petunjuk Kontekstual	Honda berfikir mencari alasan untuk meminjam kereta daripada kawannya.	
Makna Metafora	Perkara yang sedang bermain dalam fikiran.	Perkara yang sedang bermain dalam fikiran.

Kesan Terjemahan

Makna teks sumber berjaya disampaikan sepenuhnya melalui kaedah parafrasa dalam terjemahan data di atas. Sememangnya penutur bahasa sasaran menyusun ayat sedemikian rupa dalam menyatakan perbuatan ‘memikirkan tentang sesuatu’. Pengulangan kata ‘timbang’ menjadi ‘menimbang-nimbang’ bermaksud memikirkan sesuatu perkara dengan mengambil kira tentang sebab dan akibat atau membandingkan dengan beberapa perkara yang lain. Makna ini berpadanan dengan makna frasa teks sumber, *ukanda no ha* yang bermaksud perkara yang timbul dalam fikiran. Oleh yang demikian terjemahan metafora hidup teks sumber ke metafora hidup bersifat klise dalam teks sasaran diatas dianggap sebagai suatu **terjemahan ideal**.

ANALISIS DATA 5

Teks Sumber (Asal)	Teks Sumber (Terjemahan)	Teks Sasaran
<p>心にたちまち錆びついて離れなかった (halaman 314)</p> <p><i>Kokoro ni tachimachi sabitsuite hanarenakatta</i></p> <p><i>Glos: Hati di segera karat ada tak pisah</i></p>	<p><i>the idea clung to their mind like rust</i> (halaman 256)</p>	<p>gagasan melekat seperti karat (halaman 412)</p>

Konteks

Sebelum ini Kiyooki dan Satoko tidak pernah berbincang tentang perpisahan. Walau bagaimanapun apabila tarikh perkahwinan Satoko semakin hampir, Kiyooki semakin merasakan akan kehilangannya. Pernah mereka terfikir untuk membunuh diri sebagai jalan penyelesaian ‘kekusutan’ perhubungan terlarang mereka. Hal-hal perpisahan inilah yang dikatakan *sabi* (karat) *tsuite hanarenai* (melekat tak boleh hilang) dalam fikiran kedua-duanya.

Kaedah Terjemahan

‘Gagasan melekat seperti karat’, diterjemahkan secara literal berserta gaya simili turut mengekalkan imej ‘karat’ dalam teks sasaran. Secara umumnya metafora hidup data ini diterjemahkan ke metafora hidup dengan mengekalkan imej abstrak ‘karat’. Kaedah ini mudah dimanfaatkan kerana unsur metaforikal dalam data di atas bersifat universal. Penutur bahasa sasaran dapat menerima konteks penggunaannya di samping dapat pula memahami makna metafora yang hadir dalam imej ‘karat’ dan kata ‘melekat’. Sifat karat yang tidak dapat ditanggalkan dengan mudah dikiaskan sebagai sesuatu yang amat terkesan dalam fikiran hingga gagal untuk menangkisnya dari ingatan.

Analisis Makna

Bandingan	Teks Sumber	Teks Sasaran
Topik	Hal perpisahan	Hal perpisah
Imej	<i>Sabi (karat)</i>	karat
Titik Persamaan	Tak boleh tanggal	Tak boleh tanggal
Petunjuk Kontekstual	Kiyoaki dan Satoko berfikir untuk memutuskan hubungan terlarang namun semakin difikirkan semakin kuat hal tersebut menghantui fikiran mereka.	
Makna Metafora	Sesuatu yang tidak dapat hilang dengan mudah.	Sesuatu yang tidak dapat hilang dengan mudah.

Kesan Terjemahan

Pembaca sasaran tidak menghadapi kesukaran dalam memahami makna yang hadir bersama kata karat berdasarkan konteks. Pada hemat pengkaji, kata gagasan ada kecenderungan untuk menimbulkan kekaburan. Ini adalah kerana dalam budaya sasaran, kata ‘gagasan’ lazimnya digunakan dalam pembangunan projek besar. Kata tersebut juga menjurus kepada pelan kerajaan yang merangka akan keuntungan secara menyeluruh. Pusat Persuratan Rujukan Melayu memberi contoh berikut, penubuhan Umno di Istana Johor dijangka membawa gagasan besar kepada negara. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat, terjemahan data 5 dianggap sebagai sebuah **terjemahan berlebihan**.

ANALISIS DATA 6

Teks Sumber (Asal)	Teks Sumber (Terjemahan)	Teks Sasaran
自由を奪い <i>Jiyu wo ubai</i> Glos: Kebebasan rampas (halaman 378)	<i>surrendered his freedom</i> (halaman 310)	Ia menyerah kebebasannya (halaman 495)

Konteks

Dr Mori, seorang doktor yang berpengalaman dan sentiasa tersenyum. Sifat ini menjadikannya sebagai salah seorang doktor yang dipilih oleh wanita golongan bangsawan dan kaya apabila memerlukan rawatan. Selain daripada menawarkan perkhidmatan yang cekap, Dr Mori juga dikenali sebagai seorang yang boleh dipercayai. Hasil kerjanya yang memuaskan di samping rahsia penyakit dan rawatan disimpan rapi oleh Dr Mori. Namun demikian, kecermatannya menyimpan rahsia ada harganya. Bayaran tinggi yang diterimanya membuatkan Dr Mori patuh akan arahan pesakit atau keluarga pesakitnya. Itulah yang dimaksudkan dengan Dr Mori ‘menyerahkan kebebasannya’.

Kaedah Terjemahan

Kaedah modulasi digunakan dalam menterjemah *frasa jiyu wo ubai* yang makna literalnya ‘kebebasan dirampas’. Dalam konteks HNY, Bangsawan Matsugae telah merampas kebebasan Dr Mori dengan memberikannya bayaran yang mahal sebagai upah rawatan dan hadiah untuk menyimpan rahsia. Dalam terjemahan SMB pula, frasa tersebut dimodulasikan menjadi Dr Mori ‘menyerahkan kebebasannya’ dengan ganjaran bayaran yang tinggi.

Analisis Makna

Bandingan	Teks Sumber	Teks Sasaran
Topik	<i>Jiyu</i> (kebebasan)	kebebasan
Imej	rampas	serah

Titik Persamaan	Tidak bebas	Tidak bebas
Petunjuk Kontekstual	Dr Mori tidak lagi bebas bersuara apabila dia dibayar dengan harga yang tinggi supaya menyimpan rahsia keluarga Bangsawan Matsugae	
Makna Metafora	Menyekat kebebasan seseorang dengan melakukan sesuatu	

Kesan Terjemahan

Terjemahan di atas dikelaskan sebagai **terjemahan ideal** kerana makna teks asal disampaikan ke teks sasaran sepenuhnya. Dalam teks sumber, Bangsawan Matsugae merampas kebebasan Dr Mori dengan menawarkan bayaran yang tinggi. Ayat tersebut dimodulasikan dalam teks sasaran menjadi Dr Mori menyerahkan kebebasannya dengan menerima bayaran yang tinggi. Tatacara tersebut tidak mengurangkan peyampaian makna dalam terjemahan.

ANALISIS DATA 7

Teks Sumber (Asal)	Teks Sumber (Terjemahan)	Teks Sasaran
時は空しく過ぎた (halaman 447) <i>Toki ha munashiku sugita</i> <i>Glos: waktu kosong/sia-sia lalu</i>	<i>empty hours drag by</i> (halaman 371)	jam-jam kosong merangkak kaku (halaman 593)

Konteks

Kiyooki bertekad untuk menemui Satoko. Namun setiap kali Kiyooki yang dalam kesakitan dan ketidakupayaan fizikal cuba untuk bertemu atau melihat wajah Satoko sepintas lalu, setiap kali itulah juga Satoko berkeras menolak kedatangan Kiyooki di biara penginapannya. Dengan sisa kudrat yang ada, dikuatkan dengan keinginan yang melampau dan diselubungi kesejukan Kiyooki terus menyebut-nyebut nama Satoko. Itulah yang dilakukannya saban hari, berulang-alik ke biara, ditolak permohonan bertemu Satoko, kembali

ke rumah tumpangan dan mengulangi mengunjungi semula biara pada keesokan harinya. Hal ini berlarutan beberapa lama. Selama menjalani rutin sedemikian, Kiyooki menganggap waktu yang berlalu amat perlahan, manakala usahanya pula tidak membuahkan hasil.

Kaedah Terjemahan

Metafora hidup teks sumber, *toki ha munashiku sugita* yang bermaksud ‘waktu sia-sia berlalu’ dikekalkan corak metafora hidup dalam bahasa sasaran menjadi ‘jam-jam kosong merangkak kaku’. Metafora corak personifikasi digarapkan oleh penterjemah, memberikan kebolehan kepada jam sehingga boleh merangkak. Dalam konteks SMB, pergerakan masa yang semestinya seragam dirasakan bagaikan lambat berlalu dikiaskan melalui kata ‘merangkak’. Kata ‘kaku’ yang bermaksud ‘tidak bergerak atau kejang’ pula digandingkan dengan perbuatan merangkak. Bagaimanakah keadaan ‘merangkak kaku’ tersebut, hanya penterjemah yang memahami tafsiran pergerakannya.

Analisis Makna

Bandingan	Teks Sumber	Teks Sasaran
Topik	Waktu	Waktu
Imej	<i>Toki ha munashiku (jam kosong/sia-sia)</i>	Jam-jam kosong merangkak kaku
Titik Persamaan	Waktu yang sia-sia	
Petunjuk Kontekstual	Usaha Kiyooki saban hari selama beberapa waktu untuk bertemu Satoko dianggap sia-sia tanpa mendatangkan hasil	
Makna Metafora	Masa yang dipersiapkan dan berlalu tanpa hasil	

Kesan Terjemahan

Terjemahan data di atas dianggap sebagai **terjemahan berlebihan**. Makna metafora hidup teks sumber *toki ha munashiku sugita* ialah ‘waktu berlalu dengan sia-sia’. Frasa tersebut diterjemahkan ke bahasa sasaran menjadi ‘jam-jam kosong merangkak kaku’. Makna yang hadir dalam frasa ‘jam-jam kosong merangkak’

ANALISIS TERJEMAHAN METAFORA HIDUP DAN PERSONIFIKASI DALAM NOVEL JEPUN HARU NO YUKI

boleh difahami sebagaimana tertera dalam makna teks sumber yakni ‘waktu berlalu tanpa hasil’. ‘Jam-jam kosong’ membawa maksud ‘waktu yang sia-sia’ atau ‘tanpa hasil’, manakala kata ‘merangkak’ merupakan padanan abstrak pergerakan perlahan untuk kata ‘berlalu’. Dengan penambahan kata ‘kaku’, walaupun bernada dramatis, namun kehadiran kata tersebut menimbulkan ketaksaan. Didapati agak sukar pada pembaca sasaran untuk membayangkan makna ‘kaku’ dalam hal tersebut. Walaupun gandingan kata yang berlawanan dikatakan dapat menimbulkan kejutan, namun dalam hal ini, memadai dengan menggarap kata ‘merangkak’, pembaca sasaran sudah dapat membayangkan konteks dan situasi watak dalam SMB. Tambahan pula, sememangnya penutur bahasa sasaran menyatakan ‘merangkak’ apabila merujuk pada suatu proses pergerakan yang perlahan.

4.2 Dapatan dan Rumusan Kajian

Dalam bahagian ini akan dimuatkan rumusan analisis sebanyak 7 unsur metaforikal yang dikutip daripada SMB. Jadual dapatan yang dipaparkan menunjukkan dapatan kajian sama ada dikelaskan sebagai terjemahan kurang tepat, terjemahan ideal dan terjemahan berlebihan.

4.2.1 Rumusan Penterjemahan Metafora Hidup dan Personifikasi

Dapatan dan kesan terjemahan untuk data 1, 2, 3, 4, 5, 6 dan 7 dijadualkan seperti di bawah.

Jadual 1. Rumusan Kesan Terjemahan

Bil	Data Teks Sasaran	Jenis Metafora	Kesan Terjemahan
1	Pendatang baru	Metafora hidup	Terjemahan kurang tepat
2	...dan telanjang kunci itu	Metafora hidup	Terjemahan ideal
3	..menahan diri	Metafora hidup	Terjemahan ideal
4	Menimbang-nimbang masalah	Metafora unsur personifikasi	Terjemahan ideal
5	Gagasan melekat seperti karat	Metafora unsur personifikasi	Terjemahan berlebihan
6	Menyerlah kebebasan	Metafora hidup	Terjemahan ideal
7	Jam-jam kosong merangkak kaku	Metafora unsur personifikasi	Terjemahan berlebihan

Berdasarkan dapatan kajian yang dinyatakan di atas, terdapat 4 hasil terjemahan ideal daripada data 2, 3, 4 dan data 6. Dapatan ini dianggap menjawab persoalan kajian pertama iaitu, sejauh manakah terjemahan unsur metafora hidup dan personifikasi berjaya menyampaikan kesan yang sama seperti dalam teks sumber. Terjemahan ideal ini menunjukkan bahawa penterjemah berjaya mengekal dan menyampaikan kesan yang sama kepada pembaca sasaran. Unsur metafora hidup yang bersifat sejagat boleh diterjemahkan dengan mengekalkan kata dan lambang. Oleh kerana makna yang ingin disampaikan terdapat dalam kata yang digunakan itu sendiri, maka maksud teks sumber hadir bersama pengekal kata yang bersifat metafora hidup dalam teks sasaran. Dengan berbuat demikian, emosi pembaca teks sumber turut dapat dikongsi oleh pembaca teks sasaran.

Persoalan kedua pula iaitu, adakah berlaku kehilangan makna, sama ada terjemahan berlebihan bagi aspek metafora yang dikaji. Soalan ini terjawab apabila dapatan kajian menunjukkan bahawa terjemahan kurang tepat terhasil dalam data 1. Hal ini berlaku apabila frasa ‘pendatang baru’ yang digunakan menghadirkan maksud kurang tepat. Sudah tentu pembaca sasaran memahami maksud kata ‘pendatang’ dan ‘baru’, namun pemahaman ini masih belum mencukupi hanya dengan mengetahui makna kamus. Pembaca sasaran dikatakan gagal memahami makna dan gagal merasakan kesan seperti yang difahami dan dialami oleh pembaca teks sumber. Oleh itu, terjemahan kurang tepat data 1 dilihat sebagai sebuah terjemahan *metafora hidup* yang mungkin tidak membawa apa-apa kejutan. Makna yang hendak disampaikan tidak tepat dan gagal mengekalkan emosi yang dialami oleh pembaca teks sumber.

Data 5 dan data 7 pula telah menghasilkan terjemahan berlebihan. Ungkapan ‘gagasan melekat seperti karat’ dalam data 5 didapati kurang berjaya untuk membawa angan pembaca dalam membayangkan perkara yang membebankan fikiran seseorang. Frasa ‘jam-jam kosong merangkak kaku’ juga dilihat telah diterjemahkan secara berlebihan. Ini adalah kerana dalam teks sumber frasa tersebut hanyalah merujuk kepada masa yang berlalu begitu sahaja, manakala dalam bahasa sasaran tidak pula membawa maksud yang sedemikian. Sebaliknya ‘jam-jam kosong merangkak’ boleh juga membawa maksud masa yang berlalu dirasakan begitu lambat. Oleh itu walaupun frasa ‘jam-jam kosong merangkak kaku’ berbunyi puitis tetapi makna yang hadir bersama frasa tersebut kurang tepat. Dengan itu terjemahan data tersebut diklasifikasikan sebagai terjemahan berlebihan.

5.0 Kesimpulan

Beberapa perkara dapat dirumuskan daripada penelitian ini. Kesimpulan pertama ialah, kaedah penterjemahan metafora yang digunakan penterjemah adalah selaras seperti yang digagaskan oleh para sarjana yang dirujuk dalam menterjemah teks kreatif. Kedua, penterjemah juga telah memanfaatkan lima tatacara ter-

ANALISIS TERJEMAHAN METAFORA HIDUP DAN PERSONIFIKASI DALAM NOVEL JEPUN HARU NO YUKI

jemahan oleh Larson (1984). Penterjemah juga telah berusaha mengekalkan ungkapan dramatik teks sumber. Penterjemah turut mengubah ungkapan dramatik untuk disesuaikan dengan budaya sasaran. Penterjemah juga didapati berusaha mencipta bahasa dramatik baru berdasarkan penguasaan kebahasaan penterjemah. Kesimpulan berikutnya ialah, unsur budaya merupakan kekangan utama dalam menterjemah metafora. Keputusan ini dicapai selaras dengan pandangan Larson (1984) yang mengatakan bahawa pengekalannya metafora dengan lambang yang sama boleh dilakukan sekiranya lambang tersebut menghadirkan makna yang sama dalam budaya pembaca sasaran. Justeru, budaya merupakan salah satu kekangan utama dalam penterjemahan metafora.

Rujukan

- Ainon Mohd (1994). *Panduan Menterjemah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2002). *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu*, Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan (Eds.). (2005). *Teori dan Teknik Terjemahan*, Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Asmah Haji Omar (2004). *Penyelidikan, Pengajaran dan Pemupukan Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (1986). *Kesinambungan Bahasa dalam Sastera Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Baker, M. (2004). *Routledge Encyclopedia Translation Studies*, London and New York: Routledge.
- Bartel, R. (1983). *Metaphors and Symbols*, United States of America: National Council of Teachers of English.
- Bassnett-McGuire, S. (ed.) (1992). *Translation Studies*, Routledge: London and New York.
- Catford, J.C. (1965). Pentj; Uma a/p Iyavoo dan Koh Chung Gaik, (1996). *Teori Linguistik bagi Penterjemah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Catriona, P. (1995). Pentj; Bashir Basalamah, M.M. *Panduan Penterjemah, dalam Tinjauan Pendahuluan*; Peter Newmark., (hlm 1-32); Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goh Sang Seong (2012). *Bahasa Cina Bahasa Melayu, Kebolehterjemahan Budaya*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Khir Kassim (2004). *Komsas, Revisi Prioriti PMR Terkini*, Kuala Lumpur: Sasbadi
- Mounin, G. (1963). Pentj; Azizah Hj. Ahmad (1991). *Masalah Teori Terjemahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hasuria Che Omar & Rokiah Awang (2009). *Kelestarian Bidang Penterjemahan*, Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- House, J. (2009). Pentj; Haslina Haroon, (2013). *Pengenalan kepada Kajian Bahasa, Penterjemahan*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- Irwady (2007). *Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia Menyongsong 2025*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jambi, J. (2020, Nov 11). [Terjemahan bahasa kiasan dalam novel 'Kokoro' dari bahasa Jepun ke bahasa Melayu : satu analisis / Jaafar bin Jambi. http://studentsrepo.um.edu.my/1154/](http://studentsrepo.um.edu.my/1154/)
- Lakoff, G & Johnson, M (1980). *Metaphors We Live By*, Chicago: University of Chicago Press.
- Larson, M.L. (1984). *Meaning-Based Translation: A Guide to Cross-Language Equivalence*, Lanham, New York and London: University Press of America.
- Maniyamin Haji Ibahim (2006). *Gaya Bahasa Kiasan: Penggunaannya dan Keberkesanannya dalam Sajak*, Kuala Lumpur: Karisma Publications.
- Maynard Senko K. (2007). *Linguistic Creativity in Japanese Discourse*, The Netherlands: John Benjamins Publishing Co.
- Michael, G (1990). *Spring Snow*, New York: Vintage International.
- Mishima, Y. (1969). *Haru no Yuki*, Tokyo: Shinchosha Kabushiki Gaisha.
- Muhammad, H.S. (1993). *Salju Musim Bunga*, Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu.
- Munday, J. (2008). *Introducing Translation Studies, Theories and Applications*, Second Edition. Routledge: London and New York.
- Newmark, P. (1992,1981). Pentj; Zainab Ahmad, Zaiton Ab. Rahman, (1994). *Pendekatan Penterjemahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Odgen C, K and Richards I.A (1946). *The meaning of Meaning*, New York: Harcourt, Brace & World.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2020, Nov 11). <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=gagasan>
- Rini Widiarti (2020, Oct 3). *Analisis Terjemahan Metafora*, Seminar Semester Genap, Program Studi Sastra Jepang, Fakultas Sastra, Universitas Darma Persada, Jakarta. <https://journal.binus.ac.id/index.php/Lingua/issue/view/50>
- Shani, T (2020, Sept 28). *Untangling and Re-spinning the Web: Translations of Metaphors in Tanizaki's Shisei*, The International Journal for Translation & Interpreting Research, Vol.1, No.1, Monarsh University, Clayton. <http://trans-int.org/index.php/transint/article/viewFile/27/44>.
- Shuttleworth, M & M. Cowie (1996). *Dictionary of Translation Studies*, Manchester, UK: St Jerome Publishing.
- Venuti, L. (2004). *The Translation Studies Reader*, dalam Eugene Nida, "Principles of Correspondence", (hlm 158,159).